

24 FEB 2002

Mahathir-Raya

PERDANA MENTERI TERHARU KERANA TIDAK DAPAT BERHARI RAYA DI TANAH AIR

Oleh: Zaharah Othman

LONDON, 24 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed kelihatan begitu terharu sekali semasa menyampaikan ucapan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada rakyat Malaysia kerana tidak dapat berhari raya di tanah air.

"Saya bagi pihak isteri saya dan keluarga saya mengucapkan selamat hari raya Aidiladha kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Islam, saya mohon maaf kerana saya tak dapat bersama di Malaysia kerana berada di luar negara.

"Jadi saya harap semua di Malaysia berada dalam keadaan baik sihat walafiat dan saya harap kita dapat mengekalkan keamanan di negara kita," katanya

Dr Mahathir tiba di sini, pada hari raya kedua. Aidiladha di London jatuh pada hari Jumaat. Beliau dan isteri sempat berhari raya dengan masyarakat Malaysia di London dalam majlis rumah terbuka Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Britain, Datuk Salim Hashim di barat London.

"Walaupun lewat sehari, sempat juga saya berhari raya dengan rakyat Malaysia di London. Sebenarnya saya fikir hari ini (Sabtu) hari raya, tapi rupanya hari ini sudah raya," tambahnya.

Dr Mahathir serta isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah kelihatan begitu ceria ketika beramah mesra di majlis rumah terbuka sempena Aidiladha.

Hampir 1,000 orang anggota masyarakat Malaysia di sini termasuk penuntut, kakitangan Suruhanjaya Tinggi, Jabatan Penuntut Malaysia dan agensi-agensi kerajaan hadir termasuk rakyat Malaysia yang bermastautin di sini.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah tidak putus-putus melayan permintaan untuk bergambar bersama mereka.

Dalam cuaca yang begitu sejuk di luar, dan salji turun dengan tidak semena-mena, suasana dalam khemah di mana jamuan diadakan adalah meriah sekali.

-- BERNAMA

ZO SHS DC